

**PENGURUSAN KRISIS RUMAH TANGGA:
KAJIAN DI BAHAGIAN UNIT RUNDINGCARA
JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH
PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

***Crisis Management in Households: A Study at the
Counseling Unit of the Federal Territory Islamic
Religious Department, Kuala Lumpur***

Munirah Baharudin

*Department of Shariah and Law,
Academy of Islamic Studies,
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.
munirahbaharudin57@gmail.com*

Mohd Norhusairi Mat Hussin

*Associate Professor, Department of Shariah and Law,
Academy of Islamic Studies,
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.
husairi@um.edu.my*

Risma Nur Arifah

*Lecturer, Faculty of Shariah and Law,
UIN Maulana Malik Ibrahim, Malang, Indonesia.
mrs_reyzma@syariah.uin-malang.ac.id*

ABSTRACT

Household crises are a significant issue in society. This paper focuses on the management of household crises implemented by the counselling unit at the Federal Territory Islamic Religious Department (JAWI). The high rate of household crises necessitates intervention, and the lack of understanding regarding the role of the counseling unit in addressing these issues is the primary motivation for this study. The aim of this paper is to identify

the factors contributing to household crises, assess the role of JAWI's counseling unit in resolving these crises, and evaluate the impact of counseling on resolving household issues. Data for the study were obtained from library research and interviews, and were then analysed using a thematic approach to identify emerging themes from the collected data. The paper finds that factors such as poor communication, financial problems, and third-party interference are often the causes of household crises. The role of JAWI's counseling unit in providing counseling and mediation has proven effective in reducing tension and providing solutions. The paper concludes that systematic and comprehensive intervention by JAWI's counseling unit is critical in managing household crises and suggests that these services should be expanded and further strengthened in the future.

Keywords: *marriage, household, crisis, consultation, Federal Territories Islamic Religious Department, role*

PENDAHULUAN

Keluarga merupakan institusi penting yang menjadi asas kepada pembentukan masyarakat yang sejahtera. Pembinaan sebuah institusi keluarga mengikut syariat Islam bertujuan untuk melengkapi fitrah dan naluri manusia yang memerlukan pasangan hidup berasaskan nilai dan prinsip sakinah, mawaddah, dan rahmah (Faezah Musthapar, 2020). Keluarga memainkan peranan penting dalam menyediakan ruang untuk pembangunan modal insan. Selain itu, keluarga juga berfungsi sebagai asas untuk membina peradaban dan kebudayaan masyarakat serta perkembangannya. Oleh itu, institusi keluarga perlu dikukuhkan agar kesejahteraan fizikal dan mental dalam kalangan ahli keluarga dapat dicapai (Naemah Rose, 2018).

Setiap pasangan perlu memahami dengan mendalam hak dan tanggungjawab masing-masing sebagai suami isteri setelah ikatan perkahwinan terbentuk. Malangnya, kadar perceraian di Malaysia terus meningkat, dengan salah satu puncanya adalah krisis rumah tangga antara pasangan. Krisis rumah tangga adalah situasi yang mencabar dan rumit yang dihadapi oleh pasangan dan keluarga. Ia melibatkan konflik, ketegangan, dan masalah yang menjejaskan hubungan serta kesejahteraan ahli keluarga. Tanpa penyelesaian yang tepat, krisis ini boleh mengancam integriti keluarga dan membawa kepada keputusan drastik seperti perceraian. Terdapat banyak faktor dan punca lain yang mempengaruhi realiti perceraian, antaranya termasuklah berlakunya

pengabaian amanah dan tanggungjawab oleh pasangan suami isteri semasa dalam perkahwinan. Kegagalan suami isteri dalam memainkan peranan masing-masing akan membawa kepada krisis dan ketidakstabilan dalam rumah tangga (Hamid Mohamad, 2021). Terdapat pelbagai faktor yang dapat dilihat menyumbang kepada krisis rumah tangga. Seperti faktor ekonomi, cemburu, berkelakuan buruk, suami atau isteri yang nusyuz, campur tangan mertua, culas dalam pemberian nafkah dan banyak lagi. Faktor-faktor ini hanya akan menyumbang kepada permasalahan rumah tangga. Dalam kertas ini, kajian akan lebih memfokuskan dalam faktor dan punca kepada masalah krisis rumah tangga yang telah dilaporkan pada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Situasi krisis rumah tangga ini akan membawa kepada ketidaksejahteraan dalam keluarga yang boleh melanda kepada siapapun di setiap lapisan masyarakat dan bangsa (Awang Zuhairi, 2021). Konflik boleh memberi tekanan dalam keluarga dan mempengaruhi hubungan antara ahli keluarga. Jika berlaku krisis dalam rumah tangga, terdapat perkhidmatan dari masyarakat yang menawarkan untuk membantu pasangan yang sedang berhadapan dengan krisis rumah tangga. Kewujudan pegawai rundingcara di jabatan agama mengendalikan sesi kaunseling dan khidmat nasihat percuma kepada pasangan Islam amat besar peranannya dalam menangani konflik perkahwinan. Rundingcara memainkan peranan yang penting dalam membantu pasangan dan keluarga dalam menangani krisis rumah tangga. Dalam situasi yang sukar bagi pasangan, rundingcara bertindak sebagai platform sokongan yang membolehkan ahli keluarga berkongsi perasaan, isu dan kebimbangan mereka dalam persekitaran yang boleh dipercayai. Melalui proses rundingcara yang teratur, pasangan yang berumah tangga boleh meneroka punca-punca terjadinya konflik antara mereka, dapat memahami perspektif kefahaman masing-masing, dan mencari jalan yang dipersetujui bersama.

MEMAHAMI KONSEP RUMAH TANGGA BAHAGIA MENURUT PERSPEKTIF SYARA'

Dalam kamus Dewan Bahasa, rumah tangga didefinisikan sebagai perihal rumah dan kehidupan dalam rumah dan rumah dgn keluarga yg mendiami; ia juga boleh dikenali sebagai berumah tangga, berkeluarga, perkahwinan dan pernikahan (Kamus Dewan Edisi Keempat). Sebuah rumah tangga yang ingin mendapatkan keberkatan hendaklah dimulai dengan pernikahan yang sah. Kata “nikah” berasal dari kata *nakaha-yankihu-nakh wa nikāh* yang bermaksud *al-damm wa al-jam'*, iaitu mengumpulkan dan memadukan. Dalam hal ini, nikah bermakna perjanjian, *al-aqd* dan persetubuhan iaitu *al-wat'* (Syarbini, 1415).

Kata nikah kemudian menjadi istilah perkahwinan iaitu *zawāj* sebagai sebuah bentuk majāz kerana dengan upacara pernikahan hubungan yang menjadi halal (Abu al-Fath, 1979). Pensyariatan perkahwinan ada disebut daripada firman Allah SWT antaranya dalam *Surah an-Nahl* ayat 80, *Surah Yaasin* ayat 36, serta *Surah an-Nuur* ayat 32.

Setiap pasangan harus memahami hak dan tanggungjawab masing-masing sebagai suami isteri setelah ikatan perkahwinan terbentuk. Malangnya, kadar perceraian di Malaysia terus meningkat, dengan salah satu puncanya adalah krisis rumah tangga antara pasangan. Krisis ini mencabar dan rumit, melibatkan konflik serta ketegangan yang menjejaskan hubungan dan kesejahteraan ahli keluarga. Tanpa penyelesaian yang tepat, ia boleh mengancam integriti keluarga dan membawa kepada perceraian. (Sofyan Basir, 2020). Perwujudan keluarga atau rumah tangga yang didirikan adalah daripada perkahwinan. Perkahwinan yang didirikan hendaklah dengan tujuan untuk mencapai kehidupan yang lebih progresif dan tenteram, bukannya bertujuan untuk memporak perandakan hubungan kekeluargaan. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan rahmatNya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir”

(Surah al-Rum, 30: 21)

Maka, jelaslah bahawa isu-isu rumah tangga perlu diambil serius kerana al-Quran menegaskan bahawa hubungan perkahwinan haruslah dipenuhi dengan kasih sayang dan belas kasihan. Keharmonian dalam keluarga adalah amat penting, dan untuk mencapainya, pasangan perlu saling menjaga dengan ikhlas. Dengan keharmonian, rumah tangga akan menjadi tenteram dan damai (Hamsah Hudafi, 2020).

TANGGUNGJAWAB SUAMI DAN ISTERI MENURUT MAQASID SYARIAH

Untuk menuju kepada kehidupan berumah tangga dan perkahwinan yang penuh dengan Sakinah, Mawaddah, dan Rahmah, perlulah melihat kepada tanggungjawab masing-masing sebagai suami dan isteri. Ini menunjukkan

bahawa rumah tangga merupakan ikatan kukuh yang mempunyai komitmen yang menyeluruh dalam kehidupan, masyarakat serta dapat menunjuk ajar kepada pasangan supaya saling hormat, berkasih sayang dan meningkatkan kefahaman pengurusan rumah tangga. Terdapat beberapa perkara yang boleh dikenal yang merangkumi hak dan tanggungjawab suami dan isteri bersama mengikut setiap prinsip Maqasid Syariah. Pelaksanaan tanggungjawab rumah tangga adalah antara amalan dalam kehidupan beragama yang perlu dilaksanakan yang diamanahkan kepada suami dan isteri. Jika diambil perhatian, maka kehidupan rumah tangga akan lebih harmoni.

1. Faktor Agama (*Hifz al-Din*)

Pentingnya Pemeliharaan Agama dalam Keluarga Islam, memelihara agama adalah tanggungjawab utama bagi umat Islam sebagai bukti ketakwaan kepada Allah SWT dan Rasul. Pemeliharaan akidah dan ibadah merupakan asas penting yang menenangkan hati dan meyakinkan jiwa tanpa keraguan (Al-Ashqar, 2004). Norsaleha berpendapat bahawa garis panduan yang menggabungkan elemen pendidikan Islam dan tauhid dapat membantu masyarakat mencapai kebahagiaan dalam kehidupan berumah tangga (Norsaleha, 2018). Usaha ini memenuhi maqasid syariah dan keperluan Islam dalam keluarga. Oleh itu, pembentukan keluarga yang harmoni dan sejahtera dapat dicapai melalui amalan agama seperti solat berjemaah, berzikir, dan berdoa. Amalan ini bukan sahaja menjaga agama tetapi juga bertindak sebagai terapi untuk kesejahteraan keluarga.

2. Faktor Nyawa (*Hifz al-Nafs*)

Pemeliharaan nyawa adalah prinsip penting dalam membina keluarga yang sejahtera. Dengan mematuhi maqasid syariah yang melibatkan pemeliharaan nyawa, maruah, hubungan, keadilan, perkahwinan, dan kestabilan kehidupan keluarga, kita dapat mengurangkan jenayah dan menjaga kesejahteraan keluarga. Pemeliharaan nyawa boleh dibahagikan kepada tiga aspek utama: mengelakkan kezaliman terhadap diri sendiri atau keluarga, memupuk kasih sayang antara pasangan, dan menghargai setiap nikmat kehidupan. Menurut al-Najjar, menjaga jiwa melibatkan pemeliharaan keseluruhan keberadaan manusia, termasuk aspek jasmani dan rohani (al-Najjar, 2014). Aspek jasmani melibatkan semua pancaindera dan anggota badan, manakala aspek rohani merangkumi nyawa, akal, hati, emosi, perasaan, dan nafsu. Oleh itu, mencegah kezaliman dalam keluarga tidak hanya bermaksud mengelakkan kecederaan fizikal, tetapi juga menghindari menyakiti rohani ahli keluarga

melalui emosi dan perasaan mereka. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya dosa itu atas orang-orang yang berbuat zalim kepada manusia dan melampaui batas di muka bumi tanpa hak. Mereka itu mendapat azab yang pedih.”

(Surah al-Shura, 42: 42)

Ayat di atas menunjukkan bahawa dengan mengelakkan kezaliman kepada diri dan orang lain boleh memberi kesejahteraan di dunia, serta dapat menjauhi diri dari azab di akhirat.

3. Faktor Akal (*Hifz al-‘Aql*)

Selain dari kedua di atas, penjagaan akal juga sangat dipandang dalam Islam. Akal merupakan sumber hidayah, hikmah, kesejahteraan serta kebahagiaan kepada manusia di dunia dan akhirat. Mempunyai akal yang sihat akan membuatkan manusia berfikir dan hanya mentaati perintah Allah SWT (Awang, 2021). Akal yang sihat dan bijak dapat diperkuat melalui ilmu pengetahuan, terutamanya di era yang berkembang dengan cepat ini. Bahkan, ilmu pengetahuan dapat membantu membentuk keluarga yang sejahtera. Apabila ilmu pengetahuan diaplikasikan untuk membina keluarga yang harmoni, aspek pembentukan akhlak memegang peranan penting. Keluarga yang bahagia dapat dibina dengan memelihara akhlak yang baik dan memperkaya akal manusia dengan ilmu pengetahuan (Zaharah, 2015).

4. Faktor Harta (*Hifz al-Mal*)

Menjaga harta adalah prinsip penting dalam kesejahteraan keluarga dan kehidupan manusia. Islam mengiktiraf pemilikan harta individu kerana ia boleh menjadi jalan untuk melakukan kebaikan di jalan Allah SWT. Oleh itu, Islam mewajibkan mencari rezeki yang halal dan melarang pengambilan harta orang lain secara salah. Firman Allah yang bermaksud:

“Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) duniawi dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik, kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerusakan di (muka) bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerusakan.”

(Surah al-Qasas, 28: 77)

Perkahwinan juga merupakan salah satu jalan untuk mendatangkan harta. Ayat 32 Surah al-Nur menekankan galakan Allah SWT agar umat Islam melangsungkan perkahwinan, termasuk dengan individu yang merdeka mahupun hamba yang berakhlak baik. Dalam ayat tersebut, Allah SWT memberi jaminan bahawa kekurangan dari sudut kewangan bukanlah penghalang untuk berkahwin kerana Dia mampu menganugerahkan rezeki dan kecukupan kepada mereka yang memerlukan. Daripada konteks ini, para ulama memahami bahawa perkahwinan bukan sahaja memenuhi tuntutan syarak, tetapi juga menjadi sebab turunnya rezeki. Sebagai contoh, Ibn Abbas RA menjelaskan bahawa ayat ini merupakan anjuran Allah SWT agar umat Islam berkahwin, dan Allah menjanjikan kecukupan kepada pasangan yang berada dalam keadaan faqir (Ibn Kathir, n.d.).

Ibn Mas'ud RA pula berhujah dengan ayat yang sama ketika beliau menyatakan bahawa seseorang boleh memperoleh kecukupan melalui perkahwinan, seperti ucapannya: *“carilah kecukupan melalui perkahwinan”* (al-Tabari, 2001).

Oleh yang demikian, perkahwinan bukan setakat membuka pintu kepada harta tetapi juga medan untuk mengurus harta dengan baik bagi memastikan tanggungjawab rumah tangga terlaksana dengan baik. Dalam rumah tangga, suami wajib memberi nafkah kepada isteri. Nafkah, berasal dari kata *“infaq”* yang bermakna derma atau pengeluaran, adalah sesuatu yang diberikan oleh suami kepada isteri, anak-anak, keluarga, dan sanak saudara untuk kebutuhan sehari-hari. Menyediakan nafkah adalah tanggungjawab utama seorang suami dan merupakan hak asasi isterinya, seperti yang diajarkan oleh Allah, yang menekankan agar nafkah diberikan sesuai dengan kemampuan. Allah SWT juga telah berfirman berkenaan penegasan kepada hambaNya dalam melakukan tanggungjawab memberi nafkah dalam Surah An-Nisa, ayat 34 yang bermaksud:

“Kaum laki-laki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh karena Allah telah melebihkan sebahagian mereka (laki-laki) atas sebahagian yang lain (wanita), dan karena mereka (laki-laki) telah menafkahkan sebagian dari harta mereka...”

5. Faktor Keturunan (*Hifz al-Nasl*)

Dalam Islam, menjaga keturunan adalah penting untuk memastikan generasi yang baik. Anak-anak adalah anugerah dari Allah SWT yang perlu dijaga dan dididik dengan sempurna. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Dan orang-orang yang berkata: ‘Ya Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami isteri-isteri kami dan keturunan kami sebagai penyenang hati (kami), dan jadikanlah kami imam bagi orang-orang yang bertakwa.’”

(Surah al-Furqan, 25: 74)

Ibn Kathir menjelaskan ayat ini menunjukkan bahawa tuntutan untuk mendapat anak dan mengekalkan keturunan itu merupakan fitrah bagi manusia. Seorang hamba akan sentiasa memohon kepada Allah SWT supaya diberikan zuriat yang beriman, sentiasa taat kepadanya serta tidak menyekutukannya dengan yang lain (al-Hafiz, 1993). Begitu juga dengan apa yang dimaksudkan dengan al-Tabarī (Abu Ja’afar, 1999). Tanggung jawab bagi ibu bapa yang harus dilaksanakan dengan sebaik-baiknya adalah untuk melindungi anggota keluarga dari ancaman api neraka. Dengan pembentukan keluarga yang baik berlandaskan Maqasid Syariah, kesejahteraan keluarga dan ummah juga akan terbina. Syariat Islam telah meletakkan tanggungjawab membina insan sebagai maqasid yang tertinggi dalam memelihara keturunan.

MENCAPAI RUMAH TANGGA *SAKINAH*, *MAWADDAH*, *WA RAHMAH*

Sakinah diertikan sebagai ketenteraman, *Mawaddah* adalah penuh dengan cinta, dan *Rahmah* sebagai kasih sayang. Pernikahan memerlukan ketiga-tiga elemen ini untuk menjamin keharmonian rumah tangga tanpa krisis berlaku.

Imam Fakhrudin Al-Razi dalam Tafsir Mafatihul Ghaib menyatakan bahawa *sakinah* adalah perasaan tenang yang dirasakan oleh pasangan suami isteri, terhasil daripada *mawaddah*; rasa cinta kasih dan *rahmah* yang merupakan kasih sayang. Imam Qurthubi juga menjelaskan bahawa *sakinah* dalam rumah tangga tercipta dari *mawaddah* dan *rahmah* (Nur Hasim, 2020). Menurut Musthafa al-Maraghi, keluarga *sakinah* adalah kumpulan orang dalam satu rumah yang terdiri dari suami, isteri, anak-anak, dan orang tua, serta melaksanakan syariat Islam. Sayid Quthub pula menambah bahawa keluarga *sakinah* adalah tempat untuk memelihara dan menciptakan suasana tenang serta mengembangkan jasmani dan rohani, dengan rasa saling mencintai, kasih sayang, dan saling melindungi (Sayid Quthub, 1967).

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-

Nya diantaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kamu yang berfikir.”

(Surah al-Rum, 30: 21)

Imam Thabari menjelaskan bahawa Allah menciptakan Hawa dari tulang rusuk Adam AS untuk menenangkan hati Adam, dan menjadikan antara mereka rasa kasih dan sayang. Konsep *Sakinah*, *Mawaddah*, dan *Rahmah* juga dianugerahkan kepada keturunan Adam dan Hawa yang dapat diperoleh melalui perkahwinan yang diredhai Allah (Nirwan Nazaruddin, 2020). Ayat al-Quran di atas juga menunjukkan bahawa wujudnya perasaan kasih sayang dan kemesraan di antara pasangan suami isteri dalam membina kehidupan bersama yang sentiasa dalam keamanan, ketenteraman dan harmoni. Suami isteri ada peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam mengekalkan kebahagiaan kehidupan berumah tangga (Umar Sulayman, 2012).

Al-Alusi dalam tafsirnya berpendapat bahawa perasaan cenderung kepada pasangan membawa maksud kesejahteraan rohaniah, jasmani, mental, dan emosi bagi setiap pasangan suami isteri (Shihab al-Din, 1999). Ibn Kathir menjelaskan bahawa *mawaddah* sinonim dengan *mahabbah* iaitu cinta, dan *rahmah* sinonim dengan *al-raf'ah* iaitu kasih sayang (Tafsir al-Quran Ibn Kathir, 1999). Al-Mawardi menafsirkan *al-Mawaddah* sebagai “*al-Mahabbah*” dan *al-Rahmah* sebagai “*al-Syafaqah*” iaitu belas kasihan. Dalam pendapatnya yang lain pula, ini merupakan perasaan berkasih-sayang di antara suami isteri (Abu Hasan, 1992).

Sesungguhnya Allah SWT menjadikan sebuah perkahwinan itu berdasarkan *mawaddah* dan *rahmah* menghasilkan hubungan yang penuh kasih sayang dalam kehidupan berumah tangga, dengan ini lahir perasaan berkasih sayang dalam hubungan berumah tangga. Hubungan ini hanya terjalin dalam sebuah perkahwinan yang sah. Perkahwinan merupakan jambatan bagi mewujudkan sifat-sifat tersebut. Keluarga *sakinah* semestinya perlu memiliki sifat-sifat baik yang membawa kepada suasana aman, damai, dan bahagia, sekaligus membentuk masyarakat yang harmoni (Abdul Wahab, 2021). Masyarakat yang harmoni memerlukan pembinaan keluarga yang harmoni, dan setiap pasangan hendaklah mewujudkan pergaulan yang baik untuk mencapai suasana bahagia.

TA'AWUN DALAM RUMAH TANGGA

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang ma’ruf, mencegah dari yang munkar; mendirikan shalat, menunaikan zakat dan mereka taat pada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.”

(Surah al-Tawbah, 9: 71)

Ta’āwun berasal dari kata ‘*aunun* yang bermaksud pertolongan (Rahmatul Hijrati, 2020). Secara etimologi, ia bermaksud bekerjasama dalam sesuatu perkara untuk mencapai tujuan. Terminologinya, *ta’āwun* adalah kerjasama antara manusia dalam perkara yang benar untuk mendapat ganjaran daripada Allah SWT (Norzulaili, 2022). Dalam kehidupan berumah tangga, konsep *ta’āwun* mestilah diaplikasikan dan penting bagi menguatkan hubungan kekeluargaan suami isteri dan membentuk keluarga sejahtera yang jauh dari krisis. *Ta’awun* hendaklah selari dengan konsep ‘bergaulah dengan cara baik. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Hai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mempusakai wanita dengan jalan paksa dan janganlah kamu menyusahkan mereka kerana hendak mengambil kembali sebahagian dari apa yang telah kamu berikan kepadanya, terkecuali bila mereka melakukan pekerjaan keji yang nyata. Dan bergaullah dengan mereka secara patut. Kemudian bila kamu tidak menyukai mereka, (maka bersabarlah) kerana mungkin kamu tidak menyukai sesuatu, padahal Allah menjadikan padanya kebaikan yang banyak.”

(Surah al-Nisa, 4: 19)

Ayat ini menekankan pentingnya melayan wanita dengan baik. Ibnu Munzir mendatangkan hadis Ikramah “hak isteri dari suaminya: bergaul dengan cara yang baik, pakaian, rezeki yang baik” (Ibn al-Munzir, 2002). Al Qurtubi menyatakan pergaulan yang baik ialah memenuhi hak-hak isteri seperti mahar, nafkah, sentiasa senyum, tidak membuat kesalahan, tidak bercakap kasar, kesat dan seumpamanya (al-Qurtubi, 1964). *Ta’āwun* dari segi kelakuan baik di tempat tidur dan pada percakapan. Maka, dalam melaksanakan *ta’āwun* dalam rumah tangga, suami juga perlu cara bercakap dengan isteri dengan cara baik dan sentiasa melaksanakan hak-hak isteri.

FAKTOR-FAKTOR KRISIS RUMAH TANGGA YANG BERLAKU DALAM KALANGAN PASANGAN BERKAHWIN

Kehidupan berumah tangga boleh menjadi sumber kebahagiaan dan sokongan yang tidak ternilai antara pasangan. Namun, ia juga menghadapi konflik dan krisis yang menguji kekuatan hubungan. Konflik bermaksud keadaan tegang dalam sesuatu situasi yang disebabkan oleh sesuatu masalah serius sehingga menimbulkan kekacauan atau keributan. Manakala krisis bermaksud keadaan tidak stabil atau tidak tenteram yang boleh secara tiba-tiba menyebabkan sesuatu kejadian (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Setiap rumah tangga pasti akan menghadapi krisis, tetapi cara pasangan mengendalikannya boleh menentukan sama ada hubungan menjadi lebih kuat atau berantakan. Krisis dalam rumah tangga boleh muncul dalam pelbagai bentuk, seperti konflik yang tidak dapat diselesaikan, kepercayaan yang berkurangan, atau ketidakmampuan memenuhi keperluan asas. Ini boleh menjejaskan kesejahteraan mental dan emosional ahli keluarga, termasuk anak-anak.

Namun begitu, krisis juga boleh menjadi titik balik untuk perbaikan dan pertumbuhan. Dengan sokongan dan komitmen yang tepat, banyak pasangan dapat mengatasi krisis mereka. Memahami faktor-faktor yang menyebabkan krisis dalam rumah tangga membolehkan pasangan bekerjasama mencari jalan penyelesaian yang menguatkan ikatan mereka. Antara faktor-faktornya boleh dilihat pada subtopik di bawah.

1. Tiada Persefahaman

Persefahaman merupakan salah satu faktor yang sangat penting dalam mengekalkan sesuatu hubungan pasangan berumah tangga. Tiada persefahaman antara pasangan adalah punca perceraian berlaku dalam kebanyakan rumah tangga. Perkara ini akan terjadi apabila suami isteri tidak memahami tugas mereka sebagai pasangan, tidak juga merasa untuk saling membantu malah hanya membuat hal sendiri tanpa menghiraukan pasangan. Antara sebab boleh berlakunya faktor kepada ketidaksefahaman adalah berpunca daripada faktor utama iaitu permasalahan kufu. Contohnya seperti pasangan yang mempunyai jurang usia yang jauh, perkahwinan pada usia yang muda, serta perbezaan-perbezaan lain (Rafida Ramelan, 2021).

Ketidaksefahaman juga akan berlaku apabila tiada kesepadanan atau keserasian dalam aspek kecenderungan, keinginan dan pemikiran antara pasangan. Perbezaan yang ketara antaranya dari sudut agama, pendidikan, sosial, dan moral peribadi. Maka ia akan menjadi sukar dalam memahami antara satu

sama lain (Mohd Saleh, 2012). Ini memperlihatkan tiada persefahaman dalam rumah tangga boleh berpunca dari sebab sebab yang berbeza. Merujuk kepada kes *Rosnani bt Abdul Rani v Mohamood bin Che Mat [2012] 4 SHLR 0*, selain sikap defendan yang telah menjalinkan hubungan dengan perempuan lain, antara punca plaintif dan defendan bercerai adalah kerana tiada persefahaman antara kedua belah dan oleh itu, plaintif dalam kes ini telah menuntut mut'ah sebanyak RM30,000 dengan alasan bahawa defendan menceraikan plaintif tanpa alasan dan sebab yang patut.

2. Kehadiran Orang Ketiga dan Poligami

Orang ketiga merujuk kepada individu yang cuba merosakkan keharmonian rumah tangga dengan menjalin hubungan dengan pasangan yang sudah berkahwin. Kehadiran orang ketiga boleh mengakibatkan ketidakharmonian dan konflik berpanjangan dalam rumah tangga (Zaini Yusnita, 2014). Dalam perundangan Malaysia, menghalang pasangan berkahwin daripada hidup sebagai suami isteri adalah kesalahan. Seksyen 37 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997¹ menetapkan bahawa orang yang menghalang pasangan daripada hidup bersama boleh dikenakan denda hingga dua ribu ringgit, penjara tidak melebihi satu tahun, atau kedua-duanya. Kehadiran orang ketiga juga termasuk kes di mana seseorang memujuk isteri orang untuk meninggalkan suaminya. Seksyen 36 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 mengenakan denda hingga lima ribu ringgit atau penjara sehingga tiga tahun kepada mereka yang mempengaruhi isteri orang untuk meninggalkan suaminya.

Poligami pula merupakan isu penting yang memerlukan perhatian. Suami yang ingin berpoligami mesti memastikan keadilan kepada semua isteri, termasuk dalam penyediaan tempat tinggal, giliran bermalam, dan perjalanan (Raihan, 2021). Kegagalan memenuhi tanggungjawab ini boleh menyebabkan konflik dalam rumah tangga. Mahkamah akan menilai kemampuan serta keupayaan suami untuk berpoligami berdasarkan kewangan dan keadaan isteri sedia ada. Hal ini kerana apabila berlaku poligami akan muncul masalah sampingan seperti pengabaian nafkah terhadap isteri dan anak-anak dan tidak memberikan hak yang sepatutnya kepada mereka.

Dalam kes *Ainisram bin Ramli v Norliah bt Misnan [2017] 1 SHLR 47*, Plaintif telah memfailkan permohonan poligami dengan alasan bahawa pihak isteri iaitu defendan tidak mampu untuk memenuhi tuntutan batinnya. Mahkamah telah memutuskan untuk menolak permohonan plaintif dengan

¹ Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997

sebab plaintif tidak memenuhi syarat aspek poligami. Berdasarkan keterangan, plaintif tidak berkemampuan untuk berpoligami berdasarkan kepada aspek kewangan plaintif di mana jumlah perbelanjaan semasa plaintif adalah melebihi daripada jumlah pendapatan bersihnya. Selain itu, plaintif juga gagal memberikan alasan yang munasabah berkaitan kewajaran plaintif untuk berpoligami. Ditambah pula anakanak plaintif yang masih kecil seramai tiga orang yang memerlukan kasih sayang dan perhatian dari plaintif selaku bapanya.

3. Masalah Kewangan

Kesempitan kewangan dalam situasi ekonomi yang mencabar kini adalah salah satu punca utama krisis rumah tangga. Masalah ini menyebabkan tekanan, terutama kepada suami yang bertanggungjawab menyara keluarga. Ketika pandemik Covid-19 pada tahun 2020, ramai pasangan bercerai akibat kemerosotan ekonomi yang membawa kepada pemberhentian kerja dan kehilangan sumber pendapatan (Sinar Harian, 2020). Statistik menunjukkan peningkatan 12 peratus dalam jumlah perceraian pada tahun 2020, dengan 56,975 kes berbanding 50,862 pada tahun sebelumnya, di mana 80 peratus daripada jumlah itu melibatkan pasangan Islam (Laporan statistik perkahwinan dan perceraian Malaysia, 2020). Masalah kewangan sering timbul dalam kalangan keluarga muda dan menjadi punca konflik antara suami isteri. Kajian menunjukkan bahawa pengurusan kewangan yang baik dapat mempengaruhi keharmonian rumah tangga secara positif, sementara tekanan ekonomi memberi kesan negatif. Sebagai contoh, dalam kes *Mohamad Zaheerul bin Yusof v Che Ku Sawarni bt Che Ku Man [2012] 2 SHLR 38*, salah satu punca berlakunya perselisihan faham antara Plaintif dan Defendan adalah masalah kewangan iaitu selepas plaintif diberhentikan kerja yang mengakibatkan plaintif tiada kerja yang tetap dan tidak dapat memberikan nafkah yang sepatutnya.

Dengan masalah kewangan juga boleh memberi kesan kepada pengabaian nafkah dan tanggungjawab lain. Seksyen 59 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (AUKI)² telah memperuntukkan bahawa seseorang lelaki hendaklah membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya. Seperti yang kita tahu, perkahwinan adalah tanggungjawab yang besar yang telah diamanahkan oleh Allah SWT kepada pasangan yang berumah tangga. Masing-masing mempunyai tanggungjawab sendiri yang perlu ditunaikan. Urusan nafkah isteri adalah perkara utama yang juga banyak dikupas oleh para fuqaha. Pemberian nafkah merupakan tanggungjawab besar suami dalam perkahwinan, di mana

² Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984

kegagalan untuk melaksanakannya akan menjurus kepada krisis rumah tangga dan seterusnya isteri boleh menuntut fasakh (Nurhidayah, 2023).

4. Campur Tangan Mertua

Tidak dapat dinafikan bahawa ada mertua yang masih ingin campur tangan dalam urusan anak-anak yang sudah berkahwin. Walaupun niat mereka mungkin baik, setiap individu mempunyai cara tersendiri untuk menyelesaikan masalah tanpa perlu kepada campur tangan mertua. Seksyen 38 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 menyatakan bahawa menghasut, memaksa, atau memujuk suami atau isteri untuk bercerai atau mengabaikan tanggungjawab adalah satu kesalahan yang boleh didenda hingga RM5,000 atau dipenjara hingga tiga tahun, atau kedua-duanya.

Antara senario biasa ialah mertua yang tidak menyukai menantu dan menghasut anaknya supaya menceraikan pasangannya. Ini adalah satu kesalahan di bawah akta tersebut. Campur tangan keluarga boleh datang dari mana-mana pihak, sama ada dari keluarga isteri atau suami, dan boleh menyebabkan ketegangan dalam rumah tangga. Jika mertua melampaui batas dalam mencampuri urusan rumah tangga anaknya, ia boleh menyebabkan ketidakselesaan dan ketidakpuasan hati pasangan tersebut.

5. Nusyuz

Menurut Seksyen 59(2) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, seorang isteri tidak berhak mendapat nafkah jika dia dianggap nusyuz atau ingkar terhadap suaminya. Tindakan nusyuz termasuk menjauhkan diri dari suami, meninggalkan rumah tanpa kebenaran, atau enggan berpindah bersama suami tanpa sebab yang sah menurut Hukum Syarak. Seorang Isteri dikira nusyuz apabila dia ingkar atau menderhakai suaminya (Tsaqib Idary, 2023). Nusyuz juga berlaku apabila suami mengabaikan tanggungjawabnya (Abu Ala Maududi, 1985). Kedua-dua keadaan ini boleh menyebabkan berlakunya krisis rumah tangga. Contoh situasi adalah apabila isteri yang tidak taat keluar dari rumah tanpa izin suaminya, atau masalah panas baran suami itu sendiri. Maka di sini dapat dilihat bahawa faktor nusyuz juga akan menjadikan kehidupan berumah tangga dilanda krisis. Mana-mana suami atau isteri boleh memfailkan nusyuz kepada mahkamah jika perkara nusyuz berterusan dalam rumah tangga. Kebiasaannya di mahkamah, memerlukan kepada bukti yang kukuh untuk mensabitkan seseorang itu nusyuz.

Dalam kes *Nor Wasitah bt Hj Panot v Mohd Azri bin Bunawi [2008] 3 SHLR 148*, defendan mendakwa plaintif nusyuz dan tidak layak mendapat

nafkah. Isu di sini adalah samada mahkamah boleh isytiharkan plaintif adalah seorang isteri yang derhaka (nusyuz) dan tidak berhak untuk mendapat nafkah. Maka, YA telah memutuskan bahawa plaintif tidak berlaku nusyuz kerana tiada bukti menunjukkan usaha defendan untuk mengajak plaintif kembali ke pangkuan defendan. Selain itu, defendan juga tidak membuktikan apa-apa yang membolehkan mahkamah mensabitkan plaintif nusyuz. Dari sini kita dapat lihat bahawa hendak mensabitkan nusyuz di mahkamah itu sukar tetapi dengan alasan nusyuz, boleh menyebabkan krisis yang berlaku antara pasangan suami dan isteri dan seterusnya akan membawa kepada perceraian.

6. Kurang Penghayatan Agama

Perkahwinan adalah perkara yang sangat digalakkan dalam agama Islam. Bahkan agama, bangsa dan masyarakat lain juga menitikberatkan tentang menempuh alam perkahwinan dengan tujuan dapat mengukuhkan institusi kekeluargaan. Bagi agama Islam, seseorang itu hendaklah mempunyai asas ilmu pengetahuan agama yang cukup berkaitan *fiqh munakahat* untuk dia membina rumah tangga yang bahagia. Rumah tangga yang dibina hendaklah berlandaskan kepada Al-Quran dan Al-Sunnah. Oleh sebab itu, pasangan yang ingin berkahwin hendaklah terlebih dahulu mengikuti kursus perkahwinan kerana ianya dilihat mampu untuk mempersiapkan seseorang sebelum memasuki alam rumah tangga. Jika pasangan suami isteri yang beragama Islam dan kehidupan rumah tangga berpandukan kepada ajaran Islam, aspek pemberian nafkah dan tanggungjawab-tanggungjawab lain sudah tentu tidak terabai. Jika kurangnya pegangan agama kerana kekurangan pengetahuan dan pendidikan agama, maka akan berlakunya kehidupan budaya sosial yang liar yang boleh menyumbang kepada krisis rumah tangga (Majid, 2020). Kecetekan ilmu agama dalam kalangan pasangan akan menyebabkan pasangan tidak mengetahui tanggungjawab dan hak mereka sebagai suami isteri.

Menurut Yusof, suami yang tidak mempunyai daya kepimpinan dalam rumah tangga disebabkan kurang dalam pendidikan agama juga akan mengakibatkan krisis rumah tangga, keadaan akan semakin teruk jika isteri juga tidak mempunyai latar belakang berpendidikan agama (Yusof, 2017). Berpegang kepada ajaran agama sememangnya memberi kesan kepada keharmonian rumah tangga kerana ajaran agama mempunyai ajaran dan bimbingan moral yang perlu ada dalam setiap pasangan yang berumah tangga. Ia juga mampu mencegah daripada perbuatan-perbuatan jahat yang dilarang dalam Islam seperti berzina. Tanpa pegangan agama yang kuat, kehidupan berumah tangga akan goyang kerana agama yang akan membentuk pandangan dan gaya hidup seseorang.

7. Tekanan Bebanan Kerja

Menjaga keluarga dan mencari rezeki halal adalah tanggungjawab utama suami, namun dengan perubahan sosial, ramai wanita kini turut bekerja untuk meringankan beban suami. Kesejahteraan rumah tangga bergantung pada kerjasama dalam membahagikan masa antara pekerjaan dan tanggungjawab keluarga. Tekanan dari beban kerja yang berlebihan, kurangnya perhatian terhadap keluarga, dan masalah di tempat kerja boleh mempengaruhi perilaku pasangan di rumah, menyebabkan krisis rumah tangga. Ketika pasangan terlalu sibuk dengan kerja, keseimbangan antara kehidupan kerja dan peribadi boleh terganggu, mengganggu hubungan keluarga.

KONSEP KAUNSELING MENURUT ISLAM

Dalam bab ini, kita akan memahami konsep kaunseling, kerana unit rundingcara menggunakan konsep ini untuk menguruskan rumah tangga yang berkonflik. Islam adalah agama yang syumul dan lengkap dalam semua aspek kehidupan. Sejak zaman dakwah Nabi Muhammad SAW, perkhidmatan membantu orang yang menghadapi masalah telah wujud. Baginda, sebagai Rasul, sering menyelesaikan masalah rumah tangga yang diadukan kepadanya. Proses ini dikenali sebagai hisbah, di mana Rasulullah SAW membimbing umat Islam untuk memahami, menerima, dan menyelesaikan masalah rumah tangga orang lain (Zainab Ismail, 2004). Memberi nasihat adalah tugas mulia yang sepatutnya dilakukan oleh setiap insan demi kemajuan umat dan masyarakat.

Kaunseling merupakan suatu proses hubungan bantuan yang sistematik, berdasarkan prinsip psikologi, yang dilakukan oleh kaunselor profesional untuk menghasilkan perubahan, perkembangan, dan kebaikan peribadi klien secara menyeluruh dan sukarela, berasaskan etika kaunseling (PERKAMA). Di Malaysia, amalan kaunseling perkahwinan bermula pada tahun 1963 di Jabatan Agama, apabila peraturan pentadbiran mengenai perkahwinan, perceraian, dan pembatalan perceraian menetapkan bahawa mana-mana permohonan perceraian tidak akan diluluskan kecuali setelah melalui permohonan melalui kadi. Pada tahap ini, proses membantu pasangan dijalankan oleh kadi sebagai usaha untuk mencari perdamaian sebelum membenarkan perceraian. Khidmat kaunseling ini diperluaskan hingga ke hari ini dengan perjawatan Pegawai Rundingcara yang mengendalikan aduan dan memberikan kaunseling atau nasihat kepada pasangan yang bermasalah.

PENGENALAN KEPADA UNIT RUNDINGCARA

Dalam perspektif Islam, rundingcara adalah perkhidmatan penting untuk membantu pasangan membina keluarga yang berpaksikan nilai mawaddah dan rahmah. Istilah ini mula dikenali di Malaysia sejak 1980-an seiring dengan pengenalan undang-undang keluarga Islam (Asmah Bee, 2004). Ia dianggap sebagai amalan kaunseling perkahwinan yang diperluaskan dengan perjawatan pegawai rundingcara untuk mengendalikan aduan dan memberikan khidmat kaunseling kepada pasangan bermasalah, membantu mereka mencapai keluarga sakinah. Prinsip rundingcara hendaklah telus, bermakna, dan sesuai dengan ajaran Islam.

Untuk membantu pasangan yang bermasalah, Jabatan Agama Islam Negeri di Malaysia menubuhkan unit rundingcara keluarga pada awal tahun 80-an (Siti Zulaikha, 2003). Pasangan yang menghadapi masalah boleh berbincang dengan Pegawai Rundingcara mengenai isu-isu perkahwinan mereka dan mencari kaedah untuk memperbaiki hubungan. Fungsi utama rundingcara adalah untuk mengukuhkan semula hubungan pasangan yang bermasalah dalam perkahwinan. Melalui rundingcara, pasangan dapat mengenal pasti punca masalah mereka dan mencari penyelesaian (Azizah Rapini, 2018). Selain itu, mereka dapat mengeratkan kembali hubungan dengan mencari perspektif yang lebih baik terhadap pasangan. Rundingcara juga membantu pasangan meneroka idea baru ke arah kehidupan berkeluarga yang harmoni. Setiap masalah perkahwinan pasti ada jalan penyelesaiannya.

Dengan perkhidmatan rundingcara, pasangan mempunyai saluran untuk membuat aduan dan mencari penyelesaian secara adil. Rundingcara membantu suami isteri yang tidak tahu berkomunikasi dan memahami hati serta perasaan masing-masing, mengelakkan pergaduhan dan mencegah kes mereka daripada dibawa ke mahkamah. Ini menunjukkan bahawa tidak semua perkahwinan akan berakhir dengan perceraian kerana ada yang boleh diselamatkan dengan bantuan rundingcara. Perundingcara perlu mematuhi beberapa garis panduan: pegawai tidak boleh meninggalkan sesi tanpa alasan yang munasabah dan perlu mengelakkan pertindihan laporan kes. Jika ada urusan penting, pegawai harus memaklumkan kepada klien dan perundingcara lain. Pegawai juga tidak digalakkan memberikan nasihat di luar bidang kepakaran mereka dan harus merujuk kepada pihak yang lebih arif jika diperlukan. Privasi pasangan mesti dijaga dan sesi rundingcara tidak boleh disebar tanpa persetujuan pasangan. Kebiasaannya, amalan rundingcara ini diamalkan di Jabatan Agama Islam Negeri di bahagian Undang-undang Kekeluargaan. Runding cara melibatkan proses khidmat pemberian bimbingan dan nasihat menerusi perbincangan masalah dan cara-cara mengatasinya. Tambahan lagi, kaunseling

dalam keluarga merupakan suatu proses bimbingan kepada individu yang menghadapi konflik rumah tangga secara konsisten oleh kaunselor atau pegawai rundingcara (Ahmad Atabik, 2013). Melalui sesi khidmat rundingcara keluarga dan khidmat nasihat yang dijalankan di JAWI, boleh dilihat punca-punca aduan krisis rumah tangga di sekitar kawasan Kuala Lumpur. Apabila aduan telah dibuat di pejabat kaunseling itu, kajian ingin memfokuskan kepada keberkesanan kaunseling keluarga pada pasangan yang menjalankan rawatan itu.

Secara umum, rundingcara adalah proses interaksi antara pakar perunding dan klien, sama ada suami, isteri, atau kedua-duanya, yang meminta bantuan mengenai masalah mereka. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti sejauh mana peranan unit rundingcara di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dalam menangani masalah hubungan pasangan dalam perkahwinan.

KAUNSELING DAN UNIT RUNDINGCARA

Penting untuk membezakan antara kaunseling dan rundingcara. Kaunseling adalah proses pengajaran dan pembelajaran psikososial yang dilakukan secara bersemuka antara seorang kaunselor yang pakar dalam psikologi kaunseling dan seorang klien, menggunakan teknik dan kaedah profesional (Hassan Langgulung, 1990). Dalam konteks ini, kaunseling merujuk kepada kaunseling perkahwinan, yang bertujuan membantu pasangan menyelesaikan masalah hubungan mereka melalui psikoterapi (LPPKN, 2020). Namun, di jabatan-jabatan Agama Islam, sukar untuk mendapatkan khidmat kaunseling profesional kerana tidak ramai Pegawai Agama mempunyai lesen Perakuan Amalan dan Kaunselor Berdaftar. Sebaliknya, rundingcara adalah proses membimbing klien melalui pertemuan dua hala antara pegawai rundingcara dan individu yang memerlukan bimbingan dan penyelesaian (MyGovernment, 2019). Perunding merupakan seorang individu yang memberi nasihat, bimbingan dan rundingan mengenai sesuatu perkara berkaitan dengan bidang pengetahuannya kepada individu lain yang memerlukan bantuan bagi konflik yang dihadapi. Oleh itu, rundingcara adalah satu perkhidmatan yang boleh digunakan oleh Pegawai Agama di Jabatan-jabatan Agama Islam kepada pasangan yang mengalami masalah hubungan dalam perkahwinan. Hal ini kerana rundingcara tidak terikat dengan akta dan lesen perkakuan amalan, maka Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri boleh melantik Pegawai Agama yang pakar dalam menguruskan konflik rumah tangga untuk menjalankan sesi rundingcara.

Walaupun kedua-duanya membantu individu menyelesaikan masalah mereka, terdapat perbezaan antara kaunseling dan rundingcara yang boleh dilihat pada Jadual 1:

Jadual 1: Perbezaan antara Peranan Kaunseling dan Rundingcara

Kaunselor	Pegawai Rundingcara
Memiliki kelebihan profesional, sains tingkah laku, pengetahuan moral, dan berorientasikan falsafah yang boleh memberi pertolongan serta petunjuk.	Menjalankan sesi dengan lebih ringkas dan santai.
Mempunyai latihan profesional dalam bimbingan dan kaunseling sekurang-kurangnya setahun, serta mempunyai sijil dan lesen sebagai kaunselor bertauliah.	Boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja yang terlatih dan mempunyai latar belakang pendidikan Islam serta pengetahuan atau pengalaman dalam bidang tertentu, tanpa memerlukan kepakaran formal.

Sumber: Analisis Pengkaji

Secara ringkas, kaunseling lebih mendalam dan melibatkan kaunselor berdaftar, manakala rundingcara lebih praktikal dan boleh dilakukan oleh individu yang mempunyai pengetahuan dalam bidang tertentu.

UNIT RUNDINGCARA JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) mempunyai Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga yang beroperasi di bawah Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984. Bahagian ini mengurus pendaftaran pernikahan, perceraian, dan rujuk orang Islam di Wilayah Persekutuan serta menyediakan khidmat rundingcara keluarga. Ia terdiri daripada dua cawangan utama: Rundingcara dan Pembangunan Keluarga Islam yang bertanggungjawab terhadap aduan rumah tangga, serta Pusat Pembangunan Keluarga Islam (PPKI). Menurut Tuan Azlan Bin Marukum³, ketua cawangan Nikah, Ruju', dan Perceraian di JAWI, istilah kaunseling dan kaunselor tidak digunakan di pejabat agama kerana khidmat yang diberikan adalah rundingcara, bukan kaunseling, yang terikat dengan

³ Tuan Azlan Marukum (Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Perkahwinan & Pembangunan Keluarga, Cawangan Rundingcara Keluarga), dalam temu bual dengan penulis, 24 Mei 2024.

akta dan lesen kaunseling. Rundingcara berfungsi sebagai orang tengah untuk membantu pasangan menyelesaikan krisis rumah tangga dan hidup harmoni.

Unit rundingcara JAWI memainkan peranan penting dalam menyelesaikan masalah kekeluargaan Islam melalui sesi rundingcara dan bimbingan, menangani aduan rasmi dan kes berdaftar, serta melalui hotline. Unit ini juga menyediakan laporan kes untuk Mahkamah Syariah, mengurus Jawatankuasa Pendamai, menganjurkan seminar, serta merancang kursus dan bengkel mengenai isu-isu masyarakat. Mereka juga menyelaraskan tugas kakitangan Pusat Pembangunan Keluarga Islam dan memantau Pusat Khidmat Sosial. Di samping itu, unit ini bertanggungjawab terhadap Pusat Kursus Pra-Perkahwinan dan bekerjasama dengan agensi luar dalam melaksanakan program berkaitan. Pegawai rundingcara di JAWI, seramai 13 orang, menyediakan khidmat nasihat, membantu pasangan mempertimbangkan semula keputusan untuk bercerai, dan meningkatkan kompetensi kaunseling untuk memenuhi tanggungjawab profesional. Mereka bertindak sebagai pilihan pasangan untuk mendapatkan bimbingan pada peringkat awal konflik rumah tangga.

PROSEDUR BAGI SESI KHIDMAT RUNDINGCARA DI JAWI

Menurut Tuan Azlan, terdapat tiga cara untuk membuat aduan di JAWI. Pertama sekali, seseorang boleh membuat aduan secara atas talian, boleh juga secara menelefon ke JAWI, serta datang secara langsung secara fizikal di kaunter JAWI. Cara-cara ini boleh didapatkan secara percuma tanpa perlu kepada pembayaran. Cara menelefon dan datang secara fizikal ke kaunter hanyalah boleh dilakukan pada waktu pejabat sahaja. Selain daripada waktu itu, mereka tidak boleh untuk berurusan dengan pihak JAWI. Pegawai rundingcara boleh mengidentifikasikan tahap keseriusan sesuatu krisis rumah tangga itu apabila seseorang itu sanggup secara sukarela untuk datang terus ke JAWI.

Bagi prosedur secara *walk-in* atau datang ke kaunter JAWI, pasangan yang menghadapi masalah rumah tangga boleh datang dan mengisi borang berkenaan latar belakang diri dan menyediakan sijil nikah untuk menunjukkan perakuan sah nikah. Rundingcara semasa ini adalah mendapatkan pandangan dari pihak rundingcara dan ia terbuka kepada semua pasangan suami isteri yang sah samada bermastautin di dalam atau di luar Wilayah Persekutuan (JAWI). Selepas itu, mereka akan terus dipanggil dan dilayan oleh pegawai rundingcara yang bertugas. Maka mulai sini, pasangan boleh meluahkan perkara yang merungsingkan mereka sehingga perlunya kepada perkhidmatan rundingcara. Tugas pegawai rundingcara disini adalah mendengar memberi ruang untuk mereka berkomunikasi dahulu. Mereka berperanan sebagai

sahabat, boleh berhubung semula bila-bila untuk pertanyaan lanjut, dan tidak akan memihak kepada sesiapa.

Seterusnya, seorang perundingcara juga hendaklah membuat catatan pada arahan atau tindakan dalam laporan yang telah disediakan dalam fail rundingcara. Pegawai rundingcara mestilah mencatatkan keputusan sesi rundingcara di dalam ruangan tindakan pada muka hadapan fail. Antara catatannya adalah sama ada kes aduan pasangan bermasalah telah berjaya diselesaikan, kes aduan yang masih memerlukan sesi temujanji, kes aduan yang memerlukan kepada pengadu untuk membuat sebarang permohonan kepada mahkamah, kes aduan yang tidak dapat kerjasama antara pihak-pihak yang terlibat, kes aduan yang ditutup kerana ia telah bertentangan dengan garis panduan sedia ada atau kes ditutup kerana pengadu sendiri yang membuat keputusan untuk menutup kes. Kesemua kes ini akan dicatat mengikut kategori kes yang disebut sebelum prosedur seterusnya dijalankan agar dapat melancarkan lagi prosedur sesi rundingcara tersebut.

Bagi krisis yang tidak berjaya diselesaikan di peringkat rundingan, maka ia akan dibawa ke peringkat mahkamah. Apabila kes sudah diteruskan ke mahkamah, kes di rundingcara akan ditutup dan dikira selesai dari tanggungjawab pihak rundingcara. Perundingcara telah melakukan segala usaha yang mereka mampu untuk membantu pasangan yang menghadapi konflik menyelamatkan rumah tangga mereka. Namun, ada segelintir pasangan yang masih memilih untuk bercerai. Secara asasnya, unit rundingcara berfungsi untuk penyalaras dan menjadi orang tengah kepada penyelesaian permasalahan kekeluargaan sebelum kes-kes tersebut difailkan di mahkamah atau dikenali sebagai penyelesaian luar mahkamah. Antara contoh aduan yang dikira terus ke peringkat mahkamah adalah aduan keganasan rumah tangga dimana isteri ingin memohon perceraian kerana tidak mampu bertahan dalam penderaan secara fizikal dan mental, maka pihak rundingcara akan membenarkan untuk permohonan demikian diteruskan ke mahkamah.

LAPORAN RUNDINGCARA DI JAWI MEI 2024

Berdasarkan laporan kehadiran klien ke unit rundingcara bagi bulan Mei 2024 yang telah diberikan oleh Tuan Azlan⁸³, ia menunjukkan bilangan kedatangan secara fizikal bagi individu yang ingin menjalankan sesi rundingcara adalah sebanyak 78 orang. Individu yang ingin membuat temu janji pula adalah seramai 20 orang. Jumlah individu yang diuruskan oleh unit rundingcara pada bulan Mei adalah 98 orang. Jumlah tahap kepuasan pelanggan yang

berpuas hati dengan perkhidmatan yang diterima semasa berurusan dengan unit rundingcara adalah 98 orang. Ini termasuk penilaian terhadap aspek-aspek seperti kualiti nasihat yang diberikan, kemesraan pegawai yang terlibat, dan keseluruhan pengalaman yang dialami pelanggan di JAWI. data ini penting bagi mengenalpasti kekuatan dan kelemahan perkhidmatan rundingcara serta membantu dalam usaha memperbaiki mutu perkhidmatan yang ditawarkan. Maka, jumlah peratusan yang diberi bagi tahap kepuasan pelanggan adalah sebanyak 163.33%. Ini menunjukkan satu hasil yang baik dari pihak unit rundingcara kerana berjaya dalam mengendalikan pasangan yang hadir ke JAWI bagi sesi rundingcara. Bagi jumlah aduan secara atas talian pula sebanyak 53 individu, di mana juga kesemuanya dapat diselesaikan tanpa pergi ke mahkamah.

Tuan Azlan juga menyatakan bahawa salah satu faktor krisis yang paling banyak diadakan adalah pasangan yang kurangnya dalam penghayatan agama. Kebanyakannya tidak menunaikan solat fardu secara konsisten. Ada di antara mereka yang hanya menunaikan solat fardu satu atau dua waku sahaja sehari atau ada yang langsung tidak menunaikan solat. Perkara ini sebenarnya sedikit sebanyak memberi kesan kepada hubungan dalam rumah tangga. Dari perbuatan meninggalkan suruhan Allah ini, maka boleh timbulnya masalah yang lain yang negatif. Melalui solat fardu yang konsisten, seseorang itu akan mempunyai iman yang kuat untuk menempuh dugaan yang akan datang. Maka, seseorang yang hidup dalam perkahwinan juga akan menjaga perbuatannya daripada melakukan perkara yang buruk. Ini menunjukkan pentingnya solat untuk dilaksanakan bagi seseorang yang bergelar sebagai muslim.

SUMBANGAN UNIT RUNDINGCARA JAWI

Di bahagian rundingcara keluarga cawangan Pernikahan, Perceraian dan Ruju' di bahagian JAWI ini, pihak JAWI sedia membantu sesiapa sahaja yang sedang menghadapi masalah rumah tangga. Sebagai contoh, pasangan yang datang membuat aduan adalah mengenai kurang kefahaman agama. Maka jalan penyelesaiannya adalah dengan menyarankan individu tersebut untuk belajar agama. Pihak JAWI akan memberikan jadual kelas mengaji atau kelas fardu di mana-mana masjid sekitar Kuala Lumpur yang boleh dihadiri. Terdapat juga sesi rundingcara yang boleh dihadiri di UTC Pudu. Pendekatan ini memperlihatkan komitmen JAWI dalam membantu pasangan meningkatkan kefahaman agama mereka, yang penting dalam membina hubungan rumah tangga yang harmoni.

Situasi kedua adalah apabila pasangan mempunyai masalah ekonomi yang serius seperti kesempitan wang kerana diberhentikan kerja. Maka, pihak JAWI berperanan di sini untuk membantu mereka untuk berurusan dengan pihak Baitulmal yang berdekatan. Ini supaya dapat meringankan beban sedikit dan mereka tidak akan meneruskan untuk membuat keputusan yang berakhir dengan perceraian. Pihak JAWI juga ada menyarankan untuk menjual di *food truck* supaya mereka dapat menambahkan duit belanja. Pendekatan ini bukan sahaja meringankan beban kewangan pasangan, tetapi juga membantu mereka mencari sumber pendapatan baru, sekaligus mengurangkan risiko perceraian akibat tekanan ekonomi. Situasi terakhir yang boleh diberi adalah apabila pasangan yang menghadapi masalah komunikasi, di mana pihak pegawai rundingcara akan memberikan khidmat nasihat sebaik yang boleh bagi membantu mereka memahami diri masing-masing. Kesemua ini menggunakan pendekatan Islam iaitu bersumberkan al-Quran, Sunnah, Ijma' dan Qiyas. Ini menunjukkan bahawa JAWI memberikan nasihat dan nilai-nilai agama yang kukuh bersumberkan jalan yang benar.

Selain daripada itu, pihak JAWI juga ada menyediakan kursus pra perkahwinan dan pasca perkahwinan kepada sesiapa yang berminat untuk menyertainya. Kebiasaannya untuk berkahwin, bakal pengantin khususnya pasangan Muslim perlu menghadiri kursus pra perkahwinan. Kemudian, jika selepas melayari bahtera perkahwinan, pasangan juga boleh untuk menyertai kursus pasca perkahwinan bagi menguatkan lagi hubungan mereka. Terdapat empat modul yang disediakan bagi pasca perkahwinan. Modul pertama adalah modul dari tarikh tahun pertama perkahwinan sehingga ke lima tahun perkahwinan yang dikira sebagai fasa bulan madu. Modul seterusnya pula adalah modul 10 tahun ke bawah, diikuti pula dengan modul 20 tahun ke bawah, dan modul terakhir adalah modul 20 tahun ke atas. Tujuan pasca perkahwinan diperkenalkan kepada pasangan adalah untuk mengukuhkan lagi hubungan perkahwinan mereka.

Secara keseluruhannya, sumbangan JAWI dalam bidang rundingcara keluarga adalah sangat berharga dan memberikan impak yang besar. Dengan pendekatan yang menyeluruh, inklusif, dan berlandaskan nilai-nilai Islam, JAWI bukan sahaja membantu menyelesaikan masalah rumah tangga, tetapi juga memperkukuh institusi kekeluargaan dalam masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan. Pandangan saya adalah bahawa usaha-usaha ini perlu diteruskan dan ditingkatkan lagi untuk memastikan lebih banyak pasangan dapat menerima manfaat daripada perkhidmatan yang disediakan oleh JAWI.

CADANGAN MEMPERTINGKATAN KUALITI UNIT RUNDINGCARA JAWI

1. Penempatan Sesi Rundingcara JAWI

Masalah kekurangan bilik rundingcara di JAWI perlu ditangani dengan serius kerana ia boleh menjejaskan privasi, efisiensi, dan kualiti perkhidmatan. Untuk mengatasi masalah ini, beberapa pendekatan inovatif boleh diambil. Sediakan lebih banyak bilik rundingcara yang selesa dengan memanfaatkan bilik atau ruang yang kurang digunakan. Jika dana mencukupi, pertimbangkan untuk membina bilik tambahan atau menambah sayap baru pada bangunan sedia ada khusus untuk bilik rundingcara. Atasi kekurangan bilik dengan menyusun jadual penggunaan bilik secara lebih efektif, seperti memanjangkan waktu operasi atau menjadualkan sesi rundingcara. Contohnya, memendekkan sesi rundingcara dari dua jam kepada satu jam untuk meningkatkan penggiliran. Waktu sesi hendaklah disesuaikan dengan situasi kes aduan, dengan sesi tambahan dijadualkan mengikut kekosongan tarikh dan masa yang sesuai. Pastikan bilik rundingcara sentiasa kemas, bersih, kedap suara, dan selesa. Pengudaraan yang baik adalah penting untuk keselesaan pelanggan dan kelancaran sesi rundingcara.

Seterusnya, menambahkan jumlah kaunter hadapan agar mencukupi kapasiti. Pegawai yang menjaga kaunter perlu bersedia mendengar dan memahami masalah pasangan, serta menyampaikan maklumat yang membantu melancarkan urusan mereka. Selain itu, buka ruang sesi rundingcara di pusat membeli-belah atau tempat strategik lain, selain di masjid, untuk memudahkan akses kepada lebih ramai pasangan yang memerlukan bantuan dalam menyelamatkan rumah tangga mereka. Dengan langkah-langkah ini, unit rundingcara di JAWI dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan efisien.

2. Penggunaan Teknologi

Dari segi penggunaan teknologi, pihak rundingcara JAWI boleh meningkatkan penggunaan teknologi untuk sesi rundingcara atas talian. Hal ini membolehkan lebih ramai lagi yang akan menggunakan perkhidmatan JAWI untuk menjalankan sesi rundingcara kerana dapat dilihat pertambahan ruang bagi mereka untuk meluahkan masalah mereka berkaitan krisis rumah tangga. Pihak JAWI perlulah juga untuk melatih kakitangan rundingcara untuk menggunakan teknologi komunikasi moden untuk rundingcara dalam talian.

3. Keterlatihan Pegawai Rundingcara

Pegawai rundingcara di JAWI terdiri daripada Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27, dan Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17. Mereka mengendalikasikan proses rundingcara dengan pelanggan untuk menjana perubahan dan peningkatan peribadi berdasarkan etika rundingcara. Walaupun bukan berlatarbelakangkan pendidikan psikologi kaunseling, mereka perlu mempunyai asas kaunseling dan menjalani kursus berkala. Pegawai mesti menjaga privasi pelanggan, bertindak adil, dan menghindari sikap buruk seperti pecah amanah dan rasuah. Mereka harus berkepribadian mulia, berintegriti, dan profesional. Hubungan dengan klien harus berasaskan saling menghormati untuk mengelakkan konflik. Profesionalisme membantu membina kepercayaan dan keyakinan klien. Pegawai yang berilmu dan kompeten membentuk organisasi yang cekap dan berkesan, menggunakan teknologi untuk meningkatkan perkhidmatan. Tatatertib pegawai rundingcara perlu diperketatkan di jabatan agama Islam negeri bagi memastikan keberkesanan dalam menangani konflik rumah tangga. Kajian mencadangkan penyediaan garis panduan tetap untuk perkhidmatan rundingcara di seluruh negeri bagi memastikan konsistensi dan standard perkhidmatan.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, antara dapatan utama yang dapat dibuat berdasarkan kepada keseluruhan kajian yang dijalankan ini menunjukkan bahawa pengurusan krisis rumah tangga yang dijalankan oleh unit rundingcara JAWI dilihat berjaya dalam membantu pasangan yang menghadapi konflik rumah tangga. Ini dapat dilihat dalam laporan kehadiran individu yang hadir ke unit rundingcara JAWI pada bulan Mei 2024. Langkah-langkah yang dilaksanakan oleh pegawai rundingcara bagi membantu pasangan bukan sahaja akan membantu menyelesaikan konflik yang dihadapi, malah juga memastikan perkhidmatan yang diberikan lebih baik dan responsif terhadap keperluan masyarakat pada masa hadapan.

Keharmonian dalam rumah tangga merupakan aspek penting yang memerlukan pemahaman mendalam antara pasangan, di mana hak dan tanggungjawab masing-masing harus dihargai dan dipenuhi. Landasan taqwa, Al-Quran, dan Sunnah menjadi panduan utama dalam membina rumah tangga yang harmoni dan seimbang. Namun, dalam menghadapi krisis rumah tangga yang mungkin muncul, terutama dalam konteks pandemik Covid-19 atau faktor-faktor lain seperti penggunaan media sosial berlebihan dan gangguan

dari orang ketiga, pendekatan yang efektif melalui kaunseling keluarga atau rundingcara menjadi penting untuk mengatasi masalah dan memulihkan keharmonian serta kestabilan dalam keluarga. Peranan unit rundingcara JAWI yang telah menerima aduan-aduan dalam kalangan pasangan di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur perlulah diambil kira. Langkah-langkah yang dilaksanakan oleh pegawai rundingcara bagi membantu pasangan bukan sahaja akan membantu menyelesaikan konflik yang dihadapi, malah juga memastikan perkhidmatan yang diberikan lebih baik dan responsif terhadap keperluan masyarakat pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Abdul Wahab Md. Ali, Wan Mohd Yusof Wan Chik, Ahmad Faizal Ramly, Muhammad Hagia Sofia Mohdi & Farah Syazrah Mohd Ghazalli (2021). Indikator Kesejahteraan Keluarga dalam Kajian Kontemporari di Malaysia: Satu Perbandingan. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, vol. 21, no. 1, 12-26.
- Abū al-Alā al-Maudūdī (1985). *Huqūq al-Zawjain*. Makkah: Dār al-Sa’udiyyah.
- Abū al-Fath Nasīr al-Dīn b. Abī al-Sayyid (1979). *al-Maghrib fi Tartib al-Mu’arrab*, vol. 2. n.p.: Maktabah Usāmah b. Zayd.
- Abū Hasan’ Alī bin Muhammad Habīb al-Mawardi al-Basārī (1992). *Nukāt wa al-‘Uyūn Tafsir al-Mawardī*, vol. 1. Bayrut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Abū Ja’afar Muhammad bin Jarīr al-Tabarī (1999). *Jami’ al-Bayān fi Ta’wīl al-Qurān al-Karīm*, vol. 3. Bayrut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ahmad Atabik (2013). Konseling Keluarga Islami: Solusi Prolematika Kehidupan Berkeluarga. *Konseling Religi: Jurnal Bimbingan Konseling Islam*, vol. 4, no. 1, 165-184.
- Al-Ashqār Umar Sulaymān (2004). *al-Akīdah fi Allah*. ‘Amman: Dār al-Nafā’is.
- Asmah Bee Mohd Noor (2004). Fungsi Psikologi dan Penerimaan Sosial Golongan Transeksual di Pusat Pengajian Tinggi. Kertas kerja, Prosiding Seminar Kebangsaan ke-3, Psikologi dan Masyarakat. Gejala Sosial dalam Masyarakat, 4-5 Oktober. Pusat Latihan KWSP Bangi. (ESSET).
- Awang, N. Z. A. A., Hadenan, T. & Abdul Razak, A. K. (2021). Kesejahteraan Keluarga menurut Maqasid Shariah dalam Konteks Masyarakat Majmuk di Sarawak: Satu Tinjauan Awal, *Azka International Journal of Zakat & Social Finance*, vol. 1, no. 2, 163-185.

- Azizah Mohd Rapini, Nur Zulfah Md Abdul Salam, Zanariah Dimon, Hammad Mohamad Dahalan & Zaini Yusnita Mat Jusoh (2018). Konsep Kajian Amalan Rundingcara Keluarga di Jabatan Agama Islam Negeri-negeri di Malaysia: Tinjauan terhadap Keperluan Modul Khusus,” Kertas kerja, 5th International Research Management & Innovation Conference, Palm Garden Hotel, Putrajaya 7 Ogos 2018.
- Faezah Musthapar, Raihanah Azahari & Bahiyah Ahmad (2020). Sakinah, Mawaddah dan Rahmah dalam Perhubungan Suami Isteri: Analisis Literatur, *Jurnal Syariah*, vol. 28, no. 1, 81-104.
- Hamsah Hudafi (2020). Pembentukan Keluarga Sakinah Mawadah Warahmah Menurut Undang-undang Nomor 1 Tahun 1974 dan Kompilasi Hukum Islam. *Al-Hurriyah: Jurnal Hukum Islam*, vol. 5, no. 2, 172-181.
- Al-Hāfīz ‘Imād al-Dīn Abū al-Fidā’ Ismāīl (1993). *Tafsīr al-Qur’ān al-Āzīm*, vol.13. ‘Arab Sa‘udi: Maktabah al-‘Ulūm wa al-Hikām.
- Ibn al-Munzīr, Abū Bakar Muhammad (2002). *Tafsīr Ibn al-Munzīr*. Madīnah: Dār al-Maathar.
- Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, <https://www.jawi.gov.my/index.php/direktori-bahagian-penyelidikan/188-unit-rundingcara-keluarga>. 5 Jun 2024.
- Jabatan Statistik Malaysia (2020). Laporan Statistik Perkahwinan dan Perceraian Malaysia.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*. (2017). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- LPPKN (2020). Kaunseling Keluarga dan Perkahwinan. Laman Web Rasmi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. <https://www.lppkn.gov.my/index.php/perkhidmatan-pembangunan-keluarga/173-pk008>.
- Majid, M., Abu Bakar, S., Yusof, M., & Mansor, N. (2020). Pendekatan mengurus konflik dalam rumah tangga bermadu. *Approach in Managing Conflict in A Polygamous Household*, vol. 5, no. 1, 253-265.
- Mohamad Pairuz & Zainab Ismail (2020). Fungsi Rundingcara bagi Mengukuhkan Hubungan Pasangan Bermasalah dalam Perkahwinan. *al-Hikmah*, vol. 12, no. 2, 75-92.
- Al-Najjar, A. M. (2014). Jadīdah li Maqasid al-Sharī‘ah. *Majallat al-Azhar*.
- Nirwan Nazaruddin (2020). Sakinah, Mawaddah wa Rahmah sebagai Tujuan Pernikahan: Tinjauan Dalil dan Perbandingannya dengan Tujuan Lainnya berdasarkan Hadith Shahih. *Jurnal Asy-Syukriyyah*, vol. 21, no. 2.

- Norzulaili (2022). Konsep Ta'awun dalam Pengurusan Rumahtangga berdasarkan Perspektif Hadis. The 8th International Prophetic Conference, Hotel Grand Darul Makmur, Kuantan, Pahang, 5-6 Oktober 2022.
- Nur Hasim & Anton Widolo (2020). Bimbingan Penyuluhan Pernikahan dan Pembinaan Keluarga Sakinah dalam Islam. *Jurnal Bimbingan Konseling Islam*, vol. 2, no. 2, 165-182.
- Nurhidayah & Zuliza (2023). Nafkah Isteri dalam Perkahwinan: Sorotan Pandangan Fuqaha Terdahulu, *International Journal of Islamic Studies*, vol. 31, no. 2, 45-53.
- Al-Qurtubī, A. A. (1964). *al-Jami' lī Ahkām al-Qurān*. Qāhīrah: Dār al-Kutub al-Misriyah.
- Rafida Ramelan (2021). Sekufu dalam Konteks Hukum Keluarga Moden. *TAHKIM: Jurnal Peradaban dan Hukum Islam*, vol. 4, no. 1, 117-136.
- Rahmatul Hijrati (2020). *Konsep Ta'aawun menurut al-Quran dan Pengembangannya dalam Konseling Islam*.
- Raihan & Bushrah (2021). Pendidikan Kekeluargaan Islam Berhadapan dengan Isu Cabaran Krisis Rumahtangga. *Proceeding International Seminar on Islamic Education and Peace*, vol. 1, 431-442.
- Shihāb al-Dīn al-Sayyid Mahmūd al-Alīsī al-Baghdadu (1999). *Rūh al-Ma'ānī Fī Tafsīr al-Qur'ān al-Azīm*, vol. 19. Bayrut: Dār Ihyā al-Turāth al-'Arabī.
- Sinar Harian (2020). "Ramai Pasangan Muda Bercerai," dicapai pada 15 Mei 2024. From <https://www.sinarharian.com.my/article/636235/berita/nasional/ramai-pasangan-muda-bercerai><https://www.sinarharian.com.my/article/636235/berita/nasional/ramai-pasangan-muda-bercerai>
- Tsaqib Idary & Ahmad Fathonih (2023). Kajian dan Telaah Kritis dan Hadits Tentang Mengatasi Konflik Keluarga. *Jurnal Cendekia Ilmiah*, vol. 3, no. 1.
- Yusof, M. (2017). Masalah, Strategi Daya Tindak dan Keperluan Mangsa Keganasan Rumah Tangga Wanita Melayu di Pulau Pinang. Disertasi Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, Malaysia.
- Zaharah, H., Saedah, S., Zai Hazreen, A. M., Mohd Ridhuan, M. J., Ahmad Arifin, S. & Nurulrabihah, M. N. (2015). Pembangunan Akhlak dan Moral ke Arah Masyarakat Lestari. *Al-Hikmah*, vol. 7, no. 2, 72-87.
- Zainab Ismail (2004). Proses Kaunseling di Kalangan Pasangan Melayu Bermasalah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Kaitannya dengan Pendidikan. Kertas Kerja, International Seminar on Islamic Thoughts Proceeding, 7-9 Disember 2004.

‘Umar Sulaymān ‘Abd Allah al-Ashqār (2012). *Ahkām al-Ziwāj fī Dawi’ al-Kitāb wa al-Sunnah*. ‘Amman: Dār al-Nafā’is.

Senarai Statut

Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984

